

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**PENYAMPAIAN SUMBANGAN CSR WARGA
EMAS/IBU TUNGGAL, PENYAMPAIAN SUMBANGAN
PELAJAR CEMERLANG DAN PERASMIAN MASJID
BATANG LUPAR**

**PROJEK AGROPOLITAN BATANG LUPAR,
SRI AMAN SARAWAK**

18 APRIL 2016, ISNIN

WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI

PROGRAM PENDAMPINGAN PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Haji Ramlee Bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif Felcra Berhad

Yang Berbahagia Puan Hajah Simoi Binti Haji Peri
Calon Adun Lingga (N 23)

Yang Berbahagia Encik Johnathan Anak Lugoh
Residen Bahagian Sri Aman

Yang Berusaha Encik Ismawie Bin Salleh
Pegawai Daerah Sri Aman

Yang Dihormati Encik Mohd Salleh Bin Jon
Ketua Kampung Pulau Seduku

Ketua-ketua jabatan

Ketua-ketua masyarakat

Peserta-peserta projek agropolitan batang lupar

Tuan Dan Puan Hadirin Sekelian

Assalamualaikum w.b.t.....

Salam sejahtera dan Salam sehati sejiwa.....

Alhamdulillah..... syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita semua dapat dipertemukan dalam majlis yang penuh bermakna ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PROGRAM PENDAMPINGAN PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

1. Pembangunan luar bandar merupakan strategi bagi meningkatkan kehidupan ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar yang rata-ratanya terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar.
2. Ia bertujuan menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup serta mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar.
3. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan program lonjakan mega luar bandar berkonsepkan agropolitan melalui pembangunan sumber pertanian, perkhidmatan bandar serta industri asas tani dan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) secara organik di sebuah pusat bandartani yang digelar pusat agropolitan.
4. Program lonjakan mega luar bandar terdiri daripada tiga komponen utama iaitu, komponen ekonomi melalui pembangunan ladang sejahtera, komponen fizikal dengan pembinaan infrastruktur dan komponen modal insan seperti kursus dan kemahiran, diyakini berjaya mencapai objektif program.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Projek ladang sejahtera seluas 1,600 hektar yang dibangunkan pada tahun 2010 dengan kos berjumlah rm46 juta telah mengeluarkan hasil pada tahun 2015 dilihat akan dinikmati oleh seramai 325 ketua isi rumah yang telah dipilih atas pegangan saham 4 hektar seorang.
6. Melalui Program Pembinaan Rumah (PBR) di atas tanah seluas 16 hektar dengan kos berjumlah hampir rm16 juta pula, para peserta yang telah dipilih seramai 126 orang juga menikmati kualiti hidup yang lebih selesa di samping mendapat kemudahan prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial.

PROGRAM PENDAMPINGAN PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kerajaan amat prihatin untuk memastikan kesejahteraan rakyat dipenuhi. Melalui pembangunan modal insan, kerajaan percaya bahawa tuan/puan telah dibimbing dengan kemahiran keusahawanan dan mampu memulakan perniagaan menjual hasil pertanian kebun dapur dan sebagainya.

8. Oleh itu, kerajaan telah membina 5 unit bangunan gerai dengan kos berjumlah rm880 ribu yang telah siap pada tahun 2013 sebagai kemudahan untuk tuan/puan memasarkan hasil tani.

9. Kerajaan juga menitikberatkan nilai-nilai kerohanian dan institusi keagamaan dalam kehidupan bermasyarakat. Sebuah masjid telah siap dibina dengan kos pembinaan berjumlah RM880 ribu tersergam indah untuk kemudahan penduduk beribadah.

10. Pada hari yang bersejarah ini, saya secara rasminya mengumumkan nama masjid di Projek Agropolitan Batang Lupar ini dengan nama "Masjid Nur Hijrah".

11. Saya berdoa kehadiran Illahi, semoga sempena nama Masjid Nur Hijrah, cahaya penghijrahan ini sentiasa merahmati kita semua bermula dari projek ini dimajukan sehingga kini dan berterusan di masa akan datang agar mencapai matlamat kerajaan untuk mengeluarkan para peserta program ini dari garis kemiskinan.

12. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim, Ahli Parlimen Batang Lupar dan Yang Berbahagia Puan Hajah Simoi Binti Haji Peri, Mantan Dan Calon Ahli Dewan Undangan Negeri Lingga (N23) serta Yang Berbahagia Dato' Ramlee Bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif

PROGRAM PENDAMPINGAN PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

FELCRA Berhad yang bertungkus lumus memastikan pembangunan Program Agropolitan Batang Lupa ini dimajukan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.